

Karnival Jelajah Sihat di UTHM

JOHOR BAHRU 8 Sept. - Kementerian Kesihatan akan menganjurkan Karnival Jelajah Sihat peringkat daerah Batu Pahat di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) hari ini dan esok.

Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, Pejabat Kesihatan Batu Pahat, Mohd. Asri Zainuddin berkata, karnival selama dua hari di UTHM itu dimulakan dengan pertandingan aerobikton berkumpulan dengan pendaftaran pada pukul 7 pagi sebelum bermula dari pukul 8 hingga 10 pagi.

"Pada masa sama, pertandingan mewarna untuk kanak-kanak tadika turut diadakan sebelum perasmian kempen disempurnakan oleh Ahli Parlimen Sri Gading, Datuk Mohammad Aziz yang kemudian diikuti penyampaian hadiah dan cabutan bertuah. Turut diadakan pada sebelah petang ialah pertandingan Senam Seniton 1Malaysia.